

09 SEP 1998

Komanwel-Raptai

PM SAKSI RAPTAI AKHIR PERASMIAN TEMASYA SUKAN

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyaksikan raptai penuh terakhir bagi upacara perasmian Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Nasional dekat Bukit Jalil di sini.

Beliau diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Hadir sama Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan pengerusi Sukom '98 Bhd Jen (B) Tan Sri Hashim Ali.

Tidak seperti raptai Ahad lepas di mana hujung turun dengan lebatnya, majlis malam ini berjalan lancar.

Penonton malam ini juga lebih memberangsangkan daripada Ahad lalu kerana stadium yang boleh menampung 100,000 orang hampir penuh.

Antara acara kemuncak upacara yang berlangsung selama empat jam itu ialah persembahan selamat datang berwarna-warni oleh penari-penari yang menggayakan tarian tradisional dan perbarisan lintas 70 negara Komanwel yang menyertai temasya sukan itu.

Para penonton memberikan tepukan paling gemuruh apabila kontinjen Malaysian muncul disusuli dengan pekikan spontan "Malaysia Boleh".

Turut memberikan persembahan menarik ialah 5,000 orang yang dipanggil "human graphics" yang menggunakan kad berwarna-warni bagi menggambarkan pelbagai wajah temasya sukan termasuk bendera negara-negara peserta.

Temasya sukan ini yang juga dikenali sebagai Sukan Kuala Lumpur '98, akan dirasmikan pembukaannya Jumaat ini oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Kira-kira 5,000 atlit dan pegawai mengambil bahagian dalam temasya sukan ini, yang terbesar pernah dianjurkan negara ini. Ketua negara Komanwel Ratu Elizabeth II akan merasmikan majlis penutup pada 21 Sept.

-- BERNAMA

MAM RAZ ZAB